

FSTK UniSZA anjur program Singgah Seni



SEMUA peserta tidak mahu melepaskan peluang bergambar kenangan.

Fakulti Seni Reka dan Teknologi Kejuruteraan (FSTK) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu menganjurkan program 'Singgah Seni' di Foyer Perpustakaan UniSZA, kampus Gong Badak, baru-baru ini.


Program itu berbentuk

pameran kesenian siswa siswi FSTK dalam subjek lukisan dan fotografi.

Ia dianjurkan Pusat Pengajian Rekabentuk Perindustrian FSTK dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dan Industry Design Club (IDEC) FSTK.

Seramai 40 siswa diploma semester satu dan 49 siswa Ijazah Rekabentuk Perindustrian memamerkan hasil lukisan.

Turut sama, 43 siswa Ijazah Sarjana Muda Rekabentuk Perindustrian Semester 3 yang mengetengahkan subjek fotografi.



EMPAT siswa ini menunjukkan lukisan menarik yang dihasilkan.



MEMPERKATAKAN sesuatu mengenai hasil yang dicipta kepada tetamu kehormat.



KEPELBAGAIAN hasil lukisan disusun dengan begitu menarik dalam program Singgah Seni UniSZA.



TERTARIK melihat pelbagai foto yang dipamerkan.

HARIAN METRO 05/01/2015